

Tidak jujur perjuangkan kebebasan bersuara
Utusan Online
September 29, 2011

KUALA LUMPUR 28 Sept. - Tindakan pembangkang mengarahkan pemimpin parti-parti dalam pakatan itu 'menutup mulut' berhubung isu pelaksanaan hukum hudud menunjukkan mereka tidak jujur dalam memperjuangkan hak kebebasan bersuara.

Bekas Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Dr. Chandra Muzaffar berkata, pakatan pembangkang sejak dahulu lagi memang terkenal lantang bersuara mengutuk kerajaan berkaitan isu yang boleh menguntungkan mereka, namun bersikap sebaliknya dalam isu yang boleh menjejaskan mereka.

"Sebenarnya ini adalah sesuatu yang biasa dalam pakatan pembangkang. Mereka sebenarnya mempunyai pendirian yang berbeza mengikut parti.

"Arahan 'menutup mulut' dikeluarkan bagi mengelakkan sebarang kenyataan yang boleh mengakibatkan percanggahan yang akan memperlihatkan bahawa tidak wujud persefahaman di dalam pakatan pembangkang," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Sementara itu, veteran UMNO, Tan Sri Aishah Ghani berkata, pembangkang sering menyalahgunakan demokrasi dan kebebasan bersuara sebagai *platform* untuk menghentam orang lain.

"Sebagai rakyat kita harus berfikir dengan waras dan mengutamakan kerajaan yang mampu membela nasib kita, bukan sebuah kerajaan yang sentiasa menimbulkan kontroversi dan mengelirukan rakyat," katanya.

Katanya, pembangkang mengamalkan kebebasan bersuara mengikut selera sendiri tanpa memikirkan kepentingan masyarakat.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0929&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm